



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

## HEBAHAN AWAM AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

### SYARIKAT DAN PENGENDALI YANG BERMINAT DIPELAWA UNTUK MENJALANKAN PERKHIDMATAN BAS BERHENTI-HENTI LALUAN MELAKA SENTRAL KE PERHENTIAN TANGKAK & SEBALIKNYA

Dalam usaha untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan pengangkutan awam sebagai mod pilihan rakyat, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin mempelawa dan membuka permohonan kepada semua pengendali perkhidmatan pengangkutan awam darat yang berminat untuk membuat perkhidmatan bas berhenti-henti sebagai menggantikan pengendali sedia ada bagi menjalankan perkhidmatan bas berhenti-henti di koridor-koridor seperti berikut:

Bil.	Nama Laluan	Cadangan Maklumat Pengoperasian				Cadangan Jumlah Bas Beroperasi
		Jumlah Trip Pergi Sehari	Jumlah Trip Balik Sehari	Jarak Sehalu Pergi (KM)	Jarak Sehalu Balik (KM)	
1.	MELAKA SENTRAL KE PERHENTIAN BAS TANGKAK DAN SEBALIKNYA	6	6	53.0	53.0	Tertakluk kepada kriteria pra kelayakan penilaian yang telah ditetapkan oleh Kerajaan

Terdapat 5 (lima) kriteria-kriteria yang perlu diambil kira iaitu:

- I. Pengendali bas berhenti-henti sedia ada di kawasan tersebut;
- II. Pengendali bas ekspres di kawasan tersebut;
- III. Pengendali bas berhenti-henti di kawasan lain;
- IV. Pengendali bas selain pengendali kelas lesen bas berhenti-henti; dan
- V. Penggunaan jenis kenderaan yang dicadangkan bagi perkhidmatan bas berhenti-henti tersebut adalah kenderaan bersaiz kecil seperti bas mini, *coaster* atau van.

Surat permohonan tersebut boleh dipanjangkan kepada Unit Bas, Ibu Pejabat APAD **bermula 4 November 2024**. **Tarikh tutup permohonan adalah 12 November 2024**. Sebarang maklumat lanjut berkaitan perkhidmatan, sila emel kepada [bas@apad.gov.my](mailto:bas@apad.gov.my) dan [bbet@apad.gov.my](mailto:bbet@apad.gov.my)

**-TAMAT-**

**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**  
**4 November 2024**

[www.apad.gov.my](http://www.apad.gov.my)